

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential Elite Guard

Baca Risalah Pendedahan Produk ini dan pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Ini merupakan pelan bertempoh tanpa sertain yang dijamin untuk diperbaharui setiap tahun sehingga Orang Yang Diinsuranskan berumur 70 tahun. Produk ini menawarkan perlindungan insurans untuk Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan dan juga memberi Manfaat Tunai Harian Hospital dan bayaran Unit Rawatan Rapi sekali gus jika kemasukan hospital adalah diakibat oleh kemalangan.

Polisi ini tidak menyertai pengagihan untung Syarikat.

2. Apakah perlindungan dan manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

Penerangan Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
*Kematian (Semua Sebab)	RM 10,000	RM 20,000	RM 30,000	RM 50,000
Bayaran Unit Rawatan Rapi sekali gus (Kemasukan Hospital akibat kemalangan)	RM 1,000	RM 2,000	RM 3,000	RM 5,000
Manfaat Tunai Harian Hospital Akibat Kemalangan (maksimum 90 hari)	RM 100	RM 200	RM 300	RM 500
Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan	RM 30,000	RM 60,000	RM 90,000	RM 150,000
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan	RM 40,000	RM 80,000	RM 120,000	RM 200,000
Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	Diskaun 5% atas premium tanpa diskaun dan penokokan sebanyak 5% (tertakluk kepada maksimum 25% daripada premium tanpa diskaun) untuk setiap tahun jika tiada tuntutan pada Tahun Polisi sebelumnya**.			

*Jika Kematian (Semua Sebab) berlaku dalam 2 tahun polisi pertama, jumlah premium yang dibayar terkini akan dibayar sebagai Manfaat Kematian.

**NCD akan digunakan pada pembaharuan premium awal bermula dari tahun polisi kedua dan seterusnya jika tiada tuntutan yang dikemukakan dan dilulus pada Tahun Polisi sebelumnya. Sekiranya terdapat satu tuntutan telah dikemukakan dan diluluskan, Anda perlu membayar premium penuh tanpa diskaun pada tahun pembaharuan seterusnya. Jika tiada tuntutan dibuat semasa tahun pembaharuan tersebut, NCD akan dimulakan dengan 5% lagi.

Catatan:

- Sebarang tambahan Manfaat Kematian Kemalangan/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan yang dibayar kepada Hayat Yang Diinsuranskan yang sama tidak melebihi RM 1 juta bagi hayat yang sama.

Tempoh Perlindungan: Sehingga Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi yang akan datang, penamatan atau pembatalan polisi, atau berlakunya kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan terhadap Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapa premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu Anda bayar berbeza mengikut jenis pelan yang dipilih:

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Premium Bulanan (RM)	RM 68	RM 118	RM 168	RM 268

Tempoh bayaran premium: Sehingga Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi yang akan datang, penamatan atau pembatalan polisi, atau berlakunya kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan terhadap Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas setiap genap tempoh premium. Premium perlu dibayar sebelum tempoh tangguh tamat.

- Premium yang perlu dibayar adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada pengalaman tuntutan Kami atau faktor-faktor yang berkenaan. Kami berhak untuk menyemak semula premium yang perlu dibayar pada masa pembaharuan polisi dengan memberi Anda 90 hari notis bertulis terlebih dahulu. Premium untuk pelan ini tidak tertakluk kepada Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST).

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen	Sehingga 10% daripada premium yang diterima (ditolak dengan NCD, jika ada)

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - polisi ini boleh dibatalkan dengan permintaan bertulis dan pengembalian polisi Anda dalam masa lima belas (15) hari selepas polisi ini telah dihantar kepada Anda. Kami akan membayar balik premium yang telah Anda bayar untuk polisi ini, tanpa faedah, ditolak dengan apa-apa fi perubatan yang telah Kami tanggung (jika ada) dan polisi anda akan dibatalkan dengan sewajarnya.
- Polisi hanya akan bermula apabila premium berjaya ditolak.
- Pemberitahuan Tuntutan - pemberitahuan bertulis mesti diberi kepada Kami dalam tempoh 60 hari untuk tuntutan kematian dan 6 bulan untuk tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan. Bagi manfaat Tunai Harian Hospital dan Unit Rawatan Rapi sekali gus, pemberitahuan bertulis perlu diberi kepada Kami sebelum tahun pembaharuan yang berikut.
- Penggantian polisi - penggantian polisi Anda dengan polisi baru adalah kurang wajar. Terma dan syarat-syarat baru dalam polisi baru mungkin terpakai jika status kesihatan kini tidak baik. Jika Anda berniat berbuat demikian, Kami menasihati Anda supaya berbincang dengan Kami/ wakil jualan sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai lengkap terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian:
Manfaat Kematian tidak akan dibayar atas kematian Orang Yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh:
 - Membunuh diri sama ada siuman atau tidak siuman dalam satu (1) tahun dari tarikh permulaan polisi atau tarikh pengaktifan semula polisi, mengikut mana-mana yang terkemudian; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV); atau
- Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan, Pembayaran Unit Penjagaan Intensif sekali gus (Kemasukan Hospital akibat Kemalangan) atau Manfaat Tunai Harian Hospital Akibat Kemalangan:
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan, Bayaran Unit Rawatan Rapi sekali gus (Kemasukan Hospital akibat Kemalangan) atau Manfaat Tunai Harian Hospital Akibat Kemalangan tidak akan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan jika kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal atau kemasukan hospital adalah secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhannya atau sebahagiannya daripada:
 - sebarang jenis penyakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh Kemalangan; atau
 - cubaan bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman); atau
 - kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa di bawah pengaruh dadah atau alcohol yang memabukkan; atau
 - kecederaan semasa mengambil bahagian di dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan daya ketahanan; atau
 - sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan pemegang lesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan berjadual); atau
 - pelayaran kapal selam; atau
 - tentera, pasukan polis, tentera laut atau aeronautik; atau
 - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
 - sebarang bentuk hilang upaya (HUMK) yang dialami pada Tarikh Permulaan Polisi atau tarikh pengaktifan semula Polisi; atau
 - perang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
 - hernia, ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenic yang berlaku semasa atau melalui potong atau luka akibat kemalangan); atau
 - racun, gas, wasap (secara sukarela atau tidak sukarela, tidak sengaja atau sebaliknya, dikendalikan, diserap atau disedut).

Sebagai tambahan, tidak ada manfaat akan dibayar untuk sebarang peristiwa yang dilindungi yang berlaku sebelum Kami menerima premium penuh pertama.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Setelah polisi Anda dibatalkan, perlindungan akan diberikan sehingga hari sebelum bayaran premium perlu dibayar seterusnya.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan alamat dan nombor telefon Anda bagi memastikan anda dapat menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang "Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang disediakan di semua cawangan kami atau Anda boleh mendapatkan satu naskah daripada wakil jualan insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2059 6188

Fax : 03-2162 8068

E-mail : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang sedia ada:

Sila rujuk kepada Kami/ wakil jualan untuk jenis pelan yang seumpamanya yang ditawarkan oleh Kami.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA HENDAKLAH YAKIN BAHAWA POLISI INI ADALAH TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL INSURANS ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 4/2/2015.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373(6171-M)] adalah pengedar pelan insurans ini dan terletak di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.